

# KERATAN AKHBAR

## ORIENTAL DAILY NEWS

TARIKH: 06 JANUARI 2020

MUKA SURAT: A2

### TIADA RUANG KHAS MEROKOK DALAM LINGKUNGAN 3 METER RESTORAN / KEDAI MAKAN

**[IPOH]:** YB Dr. Lee Boon Chye, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia menegaskan pemilik kedai makan / restoran tidak dibenarkan untuk menetapkan ruang khas merokok dalam lingkungan 3 meter kedai milik / restoran mereka. Sekiranya pemilik premis ingkar perintah, tindakan penguatkuasaan akan dikenakan terhadap mereka. Tetapi sekiranya mereka hendak mewujudkan ruang khas merokok atau meletakkan tempat buang puntung rokok tiga meter luar lingkungan kedai makan / restoran, sama ada tindakan mereka akan diterima atau didenda, ia akan diputuskan oleh PBT. Beliau menjelaskan lesen perniagaan premis restoran / kedai makan telah menetapkan peraturan sedemikian dan lesen tersebut dikeluarkan oleh PBT. Berkenaan dengan perkara ini, beliau berkata KKM telah mengadakan perbincangan dengan KPKT.